

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 14.3.2016
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah pendirian Kerajaan berhubung saman veteran ATM Kapten Tengku Zainal Abidin Bin Tengku Zain mengenai dakwaan Kerajaan menafikan hak 404 orang pegawai tentera yang menyebabkan gaji mereka diturunkan hingga 30% selama 23 tahun ditukarkan kepada skim gaji laporan Tan Sri Abdullah Ayob mulai tahun 1970.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan tuntutan saman oleh veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Kapten Tengku Zainal Abidin bin Tengku Zain telahpun melalui proses pengadilan di mahkamah sivil di mana pada 15 Ogos 2012 Mahkamah Tinggi yang mendengar permohonan bekas pegawai ini telah memutuskan bahawa tuntutan-tuntutan saman yang dibuat oleh Kapten Tengku Zainal Abidin bin Tengku Zain ditolak. Sehingga kini, tiada sebarang tindakan diambil oleh Kerajaan memandangkan isu saman terhadap Kerajaan seperti yang difailkan oleh bekas pegawai ATM ini dianggap telah selesai dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.